

UM.R/BPG/880/1

// Julai 2018

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL: 7/2018

Timbalan Naib Canselor
Bendahari
Ketua Pustakawan
Pengarah Akademi
Dekan Fakulti/Institut
Pengarah Pusat/Institut
Pengetua Kolej Kediaman
Ketua Jabatan
Presiden PKAUM
Presiden KKAUM

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Dr./Tuan/Puan,

**PENGUNAAN NAMA DAN LOGO RASMI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
DI PERINGKAT KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI DAN KPT**

Dengan hormatnya Surat Edaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia, rujukan KPT.100-10/3/1 Jld 2(6) bertarikh 9 Julai 2018 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana sedia maklum, selaras dengan pengumuman senarai barisan Menteri Kabinet baharu oleh YAB Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah digabungkan di bawah satu pentadbiran yang sama dikenali sebagai **Kementerian Pendidikan Malaysia**. Sehubungan dengan itu, semua urusan rasmi Kementerian diseragamkan dengan menggunakan nama & logo Kementerian Pendidikan Malaysia yang baharu.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan surat edaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia yang menerangkan maksudnya dengan sendiri. Maklumat berkaitan logo rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia boleh dicapai melalui UMPortal → PTj Info → Bahagian Pentadbiran & Governan → Logo Rasmi KPM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MAHAMAD APANDI KHALIB
Pemangku Pendaftar

s.k. Naib Canselor



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(PENDIDIKAN TINGGI)**

ARAS 3, NO.2, MENARA 2, JALAN P5/6, PRECINT 5,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62200 PUTRAJAYA.

No. Telefon : 03-8870 6000 No. Faks : 03-8870 6885

Laman Web : www.mohe.gov.my

Rujukan : KPT.100-2/5/1 Jld 2 (6)

Tarikh : 9 Julai 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Dr.,

**PENGUNAAN NAMA DAN LOGO RASMI KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA DI PERINGKAT KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI DAN IPT**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana sedia maklum, selaras dengan pengumuman senarai barisan Menteri Kabinet baharu oleh YAB Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah digabungkan di bawah satu pentadbiran yang sama dikenali sebagai **Kementerian Pendidikan Malaysia**.

3. Justeru, semua urusan rasmi Kementerian termasuklah aktiviti promosi dan publisiti di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan IPT haruslah **diseragamkan dengan menggunakan nama Kementerian Pendidikan Malaysia**. YBhg. Dato' Dr. KSU juga telah bersetuju agar penggunaan logo Kementerian Pendidikan Malaysia diseragamkan **seperti di Lampiran B**.

5. Sekiranya YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Dr. mempunyai pertanyaan lanjut berhubung perkara ini bolehlah berhubung dengan pegawai di Unit Komunikasi Korporat melalui talian 03-8870 6274/ 6291/ 5412. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Profesor/ Dr. dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

(ALICE SURIATI BINTI MAZLAN)

Ketua Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

LOGO RASMI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**MINISTRY
OF EDUCATION
MALAYSIA**

**NOTA : LOGO JATA NEGARA DAN PERKATAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA TIDAK BOLEH DIPISAHKAN.**